# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 31 | RABU 2HB. OGOS, 1978. | رابو 27 شعبان 1398 | PERCHUMA


# MUSTAHAK BAGI PENGHULU, KETUA2 KG. MEMUPOK SIKAP BERTANGGONG JAWAB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat berchemar-duli ka-Majlis Jamuan Keshukoran sempena menghormati Hari Keputeraan Baginda yang ke-32 tahun yang di-anjorkan oleh Pasokan Pulis Diraja Brunei pada malam Ahad yang lalu di-Mess Pegawai Pulis di-Ibu Pejabat Pulis Gadong.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan lain2 Kerabat2 Diraja juga telah berangkat ka-majlis tersebut.

Majlis itu juga telah di-hadhiri oleh Yang Teramat Mulia Paduka Sehat Umom Kebawah DYMM, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan lain2 pegawai kanan Kerajaan dan pasokan Pulis Diraja Brunei.

Gambar atas menunjokkan YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pg Haji Rajid menyembahkan minum uchapan selamat kapada Kebawah DYMM. Di-sebelah kiri ia-lah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mengingatkan penghulu2 dan ketua2 kampong di-seluroh negeri betapa mustahak-nya mereka itu memberikan kerjasama yang sepenoh-nya dan menchurahkan ta'at setia dengan ikhlas untok membolehkan Kerajaan Baginda menjalankan usaha2 bagi kepentingan raayat dan pendudok negeri ini.

Peringatan itu di-titahkan Baginda dalam majlis jamuan keshukoran yang di-anjorkan oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong atas puja usia Baginda yang ke-32 yang berlangsong di-Dewan Majlis pada malam hari Jumaat lepas.

Sa-bagaimana yang Baginda umomkan baru2 ini, Negeri Brunei Darussalam yang terchinta ini sedang menuju ka-arah yang di-idami-idami — untok bersiap sedia pada menchapai taraf sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka.

"Dengan yang demikian, amat-lah mustahak supaya dari saat ini juga, semua ketua2 kampong dan penghulu2 memupok perasaan dan sikap bertanggong-jawab di-kalangan pendudok2 di-kampong dan mukim masing2 serta memupok dan menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi pada Negeri Brunei dan semangat serta perasaan yang chintakan keamanan dan ketenteraman bagi kemakmoran Negeri Brunei Darussalam yang mempunyai isi di-dalam-nya", titah Baginda.

Baginda Yang Dipertuan seterus-nya mengharapkan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-negeri ini supaya tidak segan2 mengemukakan tegoran2 dan chadangan2 yang membena lagi bermunafaat untok kebajikan pendudok2 di-kampong dan mukim masing2 dan pada umom-nya mengenai kemajuan negeri yang menurut jadual.

## Kesedaran raayat terhadap kemerdekaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Segenap perengkat raayat Brunei di-seluroh tanah ayer di-harapkan akan benar2 menyedari terhadap kemerdekaan yang di-hasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Mereka hendak-nya-lah akan benar2 melipat-gandakan lagi daya usaha dengan penoh bertakwa kapada Allah Subhanahu Wata'ala supaya raayat jati Kebawah Duli Yang Maha Mulia khas-nya akan menjauhkan diri dari keadaan yang di-umpamakan ibarat "Pak Kadok, ayamnya menang, kampong tergadai; ada nasi di-churahkan, anak pulang kebuloran".

Demikian antara yang terkandong dalam sembah uchapan keshukoran Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awg Md. Salleh bin Haji Hidup dalam majlis jamuan keshukoran hari puja usia ke-32 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang di-adakan oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Dewan Majlis pada malam hari Jumaat lepas.

Pegawai Daerah itu menyembahkan ikrar bahawa sa-bagai raayat jati negeri ini, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong inda akan menggantongkan pengayoh dan membiarkan orang lain ngaleh berkayoh, malah bertinting sama bertinting, beunggai sama beunggai sa-hingga charok perahu melanggar tambing.

"Ada-lah menjadi darah daging dan amalan hidup Penghulu2 dan Ketua2 Kampong sejak zaman-berzaman inda chamah mata terhadap kerja2 yang berkebajikan, inda pangling mata untok memata-matai keolahan anak buah di-kampong supaya keselamatan masharakat kampong sentiasa terpelihara, dan inda ingkar dan lalai menjunjong titah pada membisaikan lagi sa-suatu usaha yang mendatangkan kebajikan," Awang Md. Salleh berdatang sembah.

Pegawai Daerah itu berdatang sembah bahawa tahun2 yang akan datang ini ada-lah merupakan tahun2 yang penoh chabaran yang menghendaki sapenoh2 dedikasi, sa-puteh2 kejujuran serta kesetiaaan dan sa-tulus2 amanah dari sa-tiap raayat dan pendudok negeri ini.

Sikap yang demikian itu ada-lah terutama-nya harus dipegang oleh raayat jati negeri ini yang di-pertanggong-jawabkan amanah untok mengator serta menyusun segala persiapan bagi Negeri Brunei menekmati kedaulatan dan kemerdekaan yang tulin saperti yang di-hasratkan oleh Baginda Yang Dipertuan itu, sembah Awang Md. Salleh seterus-nya.

"Mudah2an usaha berkebajikan raayat Kebawah Duli Tuan Patek itu akan sentiasa mendapat petunjok Allah, dan hendak-nya-lah terpelihara dari angkara "kesubokan" dari mana2 pehak jua".

Awang Md. Salleh juga menyembahkan betapa kaseh dan sayang-nya raayat Baginda atas kebijaksanaan dan keadilan Kerajaan Baginda memimpin raayat dan negeri ini kapada satu zaman baru yang di-redhai Allah dan yang akan menjadi ristaan zaman berzaman sabagai zaman kedaulatan Brunei.

## Melihat anak bulan Ramadhan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dengan kerjasama pegawai2 dari Jabatan Ukor akan pergi melihat anak bulan Ramadhan pada hari Jumaat 4hb Ogos permulaan puasa bagi tahun Hijrah 1398.

Usaha melihat anak bulan itu akan di-lakukan di-tiga buah tempat seluroh negeri iaitu di-Bukit Tabur Bintang, Pasir Berakas; Bukit Birup Tabor Bintang, Tutong dan di-Pantai Lurong Tujoh, Seria.

Jika anak bulan Ramadhan dapat di-lihat pada petang itu, maka puasa bulan Ramadhan bagi umat Islam di-seluroh negeri akan bermula pada hari Sabtu 5hb Ogos dan jika tidak nampak, maka permulaan puasa akan jatoh pada hari Ahad 6hb Ogos. 1978

## Jalani kursus Perchetakan

BERAKAS.—Sa-orang pegawai dan tiga orang kakitangan Jabatan Perchetakan Kerajaan Brunei hari ini meninggalkan tanah ayer untok menjalani berbagai kursus kemahiran dalam hal-ehwal perchetakan di-Eropah dan Republik Singapura.

Awang Ali bin Haji Hassan, Penolong Penchetak Kerajaan akan mengikuti berbagai kursus di-empat buah negeri Eropah sa-lama kira2 empat bulan.

Dalam tempoh waktu itu, Awang Ali akan menjalani kursus singkat mengenai operasi dan pemeliharaan meshen chetak di-Jerman. Beliau akan berada di-Belgium pula untok mempelajari prodaksi dan peralatan

Lihat muka 16

## Rakaman khas utk. Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN. —Bahagian Melayu Radio Brunei akan membuat rakaman khas untok Hari Raya di-Dewan Raya pada hari Sabtu 5hb Ogos mulai jam 7.30 malam.

Antara ranchangan yang akan di-sembahkan pada malam itu ia-lah persembahan nyanyian oleh Awang M. Noordin dan penyanyi2 jemputan-nya.

Berbalas pantun Hari Raya, penyertaan penunton dan terima-lah sampul surat juga akan di-adakan.

Orang ramai ada-lah di-persilakan datang untok menyaksikan persembahan2 pada malam itu.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

2HB OGOS, 1978

# TAHUN2 YANG PENOH CHABARAN

SAPERTI yang telah di-titahkan baru2 ini bahawa dalam tempoh lima tahun dari penghujong tahun 1978 ini, dengan izin Allah Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai ini akan menchapai taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat dan penoh merdeka di-rantau Asia Tenggara. Kemerdekaan yang di-maksudkan itu, menurut titah lagi, bukan hanya dari segi nama atau sebutan sahaja, akan tetapi dengan izin Allah benar2 merdeka yang tulin; yang akan memberikan bukan sahaja kebanggaan akan tetapi yang lebeh mustahak lagi ia-lah kemerdekaan yang akan menjamin keselamatan, ketenteraman serta kemakmoran dan kebahagiaan yang berkekalan kapada seluroh raayat dan pendudok di-negeri yang bertuah ini.

Lima tahun dari sekarang, ada-lah merupakan masa yang pendek dan merupakan tahun2 yang penoh dengan chabaran2 terutama kapada raayat yang berlindong di-bawah panji2 Darussalam ini 'amnya dan kapada "Anak Jati Brunei", khas-nya, supaya memberikan kerjasama sepenoh-nya kapada ranchangan Kerajaan pada memberikan kemakmoran dan kebahagiaan lebeh2 lagi pada memperkukohkan keselamatan serta ketenteraman di-negeri ini. Suasana yang sa-demikian amat-lah mustahak untok membolehkan Kerajaan dan juga raayat melipatgandakan usaha2 yang di-perlukan tanpa gangguan. Dan saperti yang pernah di-tegaskan di-sini, Kerajaan sememang-nya tidak akan teragak2 untok bertindak ka-atas sesiapa saja yang chuba mengkucharkachirkan suasana yang aman-tenteram sekarang ini.

Untok menyahut tahun2 yang penoh chabaran dan menghadapi masa hadapan yang penoh gemilang itu, mulai dari sekarang raayat dan "Anak Jati Brunei," khas-nya, hendak-lah berusaha dengan tidak kendor2 dalam lapangan masing2 serta mengambil bahagian chergas terutama di-bidang ekonomi sabagai sandaran atau tulang belakang kapada kekokohan sa-sebuah negara yang sedang membangun di-sebelah rantau Asia Tenggara ini. Usaha kaarah mengusahakan tembok sandaran dan tapak bagi memperjuangkan negara kita ini amat-lah perlu diambil perhatian terutama oleh penuntut, jenerasi yang bakal mewarithi pimpinan di-mana depan.

Maka tidak-lah wajar bagi kita, terutama Anak Jati Brunei, membiarkan atau menjadi penunton dinegara-nya sendiri jauh sa-kali akan menjadi "restaan" kapada anak chuchu kita saperti cherita Pak Kadok, ayam-nya menang kampong tergadai.



# MAJLIS PENYAMPAIAN TALI-PINGGANG JUDO

JALAN MUARA. — Satu majlis penyampaian talipinggang2 dan sijil2 judo kapada 34 orang rekrut pulis telah di-adakan di-Pusat Latehan Pulis Diraja sini Rabu lepas.

Sijil2 dan tali-pinggang2 itu telah di-sampaikan oleh Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, yang juga sa-laku Yang Dipertua Persatuan Judo-Karate Amatur Negeri Brunei, (Gambar sa-belah kiri).

Sa-takat ini sa-banyak 1,864 orang anggota pulis di-negeri ini telah menerima tali-pinggang2 judo, termasok tali-pinggang2 hitam, ungu dan biru.

# KELUASAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT - SERIA 3.96 BATU PERSEGI

KUALA BELAIT.—Pegawai Daerah Belait yang juga sa-laku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait/Seria, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar menyatakan peristiharan perluasan Majlis Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria yang baharu sa-luas 1.80 batu persegi atau 1,058.70 ekar akan dapat meranchang chorak atau susunan2 kemajuan bagi kawasan bandaran yang sempurna dan tersusun.

Pada menyusun ranchangan2 kemajuan yang sempurna, Majlis Lembaga Bandaran senantiasa menitek-beratkan kapada kehendak2 atau keperluan2 raayat di-negeri ini dari segi kemudahan, keharmonian, kesihatan, susunan alam sekitar dan kemajuan2 ekonomi. Peristiharan perluasan Kawasan Bandaran itu juga ada-lah sesuai dengan kemajuan yang ada sekarang di-negeri ini, jelas beliau lagi.

Ada-lah di-fahamkan bahawa berdasarkan kapada Undang2 Lembaga Bandaran tahun 1920 (Penggal 57) peristiharan di-bawah Bab 3 (1) bahawa Sultan dalam Majlis telah meluluskan peristiharan perluasan Kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait. Peristiharan itu adalah menggantikan peristiharan pertama yang dibuat dalam tahun 1959.

Maka bagi pengetahuan orang ramai, dan khas-nya kapada mereka yang tinggal di-kawasan yang berkenaan bahawa peristiharan perluasan itu telah diistiharkan dalam Warta Kerajaan Bil: No. 6 Bahagian II bertarikh 25/3/78.

Dalam peristiharan pertama, keluasan bandaran ia-lah sa-luas 2.31 batu persegi atau 1,477.33 ekar, dan dalam peristiharan yang baharu ini luas-nya ia-lah 1.80 batu persegi atau 1,058.70 ekar. Dan jumlah keluasan bagi keselurohan-nya ia-lah 3.96 batu persegi atau 2,536.03 ekar.



Dato Paduka Awang Haji Abdullah

# Surat2 tempatan dan surat2 luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pos Agong menyatakan minggu ini bahawa oleh kerana maseh terdapat orang ramai yang telah memasokkan surat2 tempatan di-bahagian surat2 luar negeri dan sebalek-nya, maka dengan ini pehak Jabatan Perkhidmatan Pos menasehatkan orang ramai supaya akan memberikan kerjasama bagi memasokkan surat2 tempatan dan luar negeri itu di-tempat yang telah dikhaskan (saperti gambar bawah).

Kerjasama orang ramai dalam perkara tersebut sangat2 di-harapkan bagi memudahkan petugas2 dijabatan tersebut mengurus-kan surat2 tempatan dan luar negeri.

# Kolera di-Hongkong

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pegawai Perubatan dan Kesihatan Brunei mengingatkan orang ramai supaya melaksanakan langkah2 berjaga untok mengelakkan jangkitan wabak cholera. Langkah tersebut diambil berikutan laporan bahawa Hongkong dan Jepun telah di-jangkiti oleh kolera baru2 ini.

Orang ramai ada-lah di-nasihatkan supaya memakan makanan yang di-masak, meminum ayer yang telah di-masak, menyuchi tangan sa-belum makan dan sa-lepas buang ayer.

Mereka juga di-minta melaporkan sebarang kejadian muntah atau sakit perut dan hendak-lah menjaga kesihatan sendiri dengan bersuntik dalam tiap2 enam bulan.




# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati dijual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 27hb Julai, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. UDANG KERING — $5.50 sa-kati boleh dari kedai2 berikut :—
   a) Hong Guan Koon Kee, No. 10, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan;
   b) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — $2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.
3. KACHANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.

**KUALA BELAIT**

1. UDANG KERING — $6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chiong Kee, No. 1-A, Jalan Pretty, Kuala Belait;
   b) Yiek Yuen, No. 3, Jalan Pretty, Kuala Belait;
   c) Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty, Kuala Belait;
   d) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China, Kuala Belait.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — $2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Soon Soon, No. 99B, Jalan McKerron, Kuala Belait.
3. KACHANG MERAH — $1.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chin Fatt, No. 60-B, Jalan Pretty, Kuala Belait.

**SERIA :**

1. UDANG KERING — $5.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Hui Guan, No. 48, Jalan Bunga Kuning, Seria;
   b) Haji C.A. Mohammed, No. 51, Jalan Bunga Kuning, Seria;
   c) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga, Seria.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — $2.60 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali, Seria;
   b) Siong Huat, No. 40, Jalan Sultan Omar Ali, Seria;
   c) Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kenanga, Seria.
3. KACHANG MERAH — $1.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sim Fatt Hin, No. 74, Jalan Bunga Kenanga, Seria.

# PENGGAMBARAN X-RAY BESAR2AN DI-TUTONG AKAN DI-LANCHARKAN



KELIHATAN Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa sedang menjelaskan tujuan2 penggambaran X-Ray dalam mashuarat bulanan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang di-bilek mashuarat Pejabat Daerah Tutong, minggu lalu.

**PEKAN TUTONG. — Pegawai Pelawat Kesihatan Bahagian Penyakit Dada Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa Pengiran Haji Mohd. Said bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dalam perjumpaan bulanan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang di-sini minggu lalu menyatakan satu projek penggambaran X-Ray yang pertama kali sa-chara besar2an akan di-lancharkan kapada pendudok2 di-Daerah Tutong yang berumor 14 tahun ka-atas mulai pada 2hb Oktober tahun ini; sementara pendaftaran-nya akan di-jalankan awal bulan September depan.**

Ketika di-tanya bagaimana chara pendaftaran ini di-jalankan dan sebab2 pendaftaran tersebut di-buat, Yang Amat Mulia itu menjelaskan bahawa chara pendaftaran itu di-jalankan ia-lah dengan jalan melawati ka-kampong2 yang berkenaan ia-itu dari rumah ka-rumah oleh kakitangan Kelinik Dada, yang akan di-ketuai-nya sendiri. Sebab pun pendaftaran itu di-jalankan terlebeh dahulu ia-lah untok memastikan keramaian pendudok yang akan di-X-Ray, supaya tidak ada orang yang akan di-X-Ray itu ketinggalan dan juga bagi mengelakkan kesesakan, tambah-nya lagi.

Yang Amat Mulia itu juga menjelaskan projek mengX-Ray itu akan di-adakan dalam dua perengkat kampong yang terkandong dalam pekan atau yang berdekatan dengan pekan dan perengkat kampong2 di-pendalaman yang akan di-datangi oleh X-Ray bergerak.

Di-Negeri Brunei, jelas Yang Amat Mulia itu saperti mana juga di-kebanyakan lain2 negeri di-bahagian dunia ini, ada terdapat berbagai2 kejadian penyakit yang berjangkit; salah satu daripada-nya ia-lah penyakit *Batok Kering* atau *TB*. Salah satu chara mengesan penyakit itu ia-lah dengan jalan mengX-Ray Dada, memereksa Dahak, Darah dan lain2 lagi. Maka itu-lah sebab-nya Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan bertujuan menjalankan projek penggambaran X-Ray bagi pendudok2 di-seluroh negeri ini pada mengesan dan mengurangkan jangkitan penyakit tersebut.

Tambah-nya, beberapa tahun yang sudah2 penyakit TB ada-lah merupakan penyakit yang menakutkan. Alhamdulillah, dengan ada-nya perkembangan sain dan teknoloji dalam bidang perubatan zaman ini, maka penyakit tersebut tidak lagi menakutkan dan merbahaya.

Sebenar-nya penyakit TB itu mudah di-rawat jika penyakit itu awal di-ketahui, dan orang yang mengidap penyakit itu hendak-lah bekerjasama dengan Doktor, supaya mematohi nasehat2 dan mengikuti perubatan yang di-berikan dengan sempurna-nya mengikut peratoran2 yang di-beri oleh Doktor Pakar. Untok membunoh kuman penyakit itu, memang-lah mengambil masa yang begitu lama, ia-itu sekurang2-nya dalam masa 12 bulan; baru-lah kuman penyakit itu mati, jelas-nya lagi.

Oleh kerana projek mengX-Ray sa-chara besar2an atau projek yang julong2 kali di-lancharkan di-Daerah Tutong ini, sudah barang tentu sedikit sa-banyak akan menempoh kesulitan2 yang akan di-hadapi — bagaimana pun, Yang Amat Mulia itu mengharapkan pertolongan dan kerjasama dari Penghulu2 Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang, sebarang kesulitan itu akan dapat di-atasi—Inshallah, tegas-nya.

Sa-banyak 10 buah kampong di-Pekan Tutong dan di-sekitar-nya akan memulakan pendaftaran dan penggambaran X-Ray. Kampong2 itu ia-lah: Pekan Tutong, Kampong Panchor Papan, Kampong Sengkarai, Kampong Penanjong, Kampong Kuala Tutong, Kampong Bukit Bendera, Kampong Panchor Dulit, Kampong Serambangun, Kampong Tanah Burok dan Kampong Panabai.

Ada-lah di-fahamkan projek penggambaran X-Ray itu pernah di-jalankan kapada pendudok2 di-Daerah Temburong dalam tahun 1973 yang lalu.

Sa-lepas projek tersebut di-lancharkan di-Daerah Tutong maka kemungkinan pendudok2 di-Daerah Belait pula akan menunggu giliran-nya dan begitu juga bagi pendudok2 di-Daerah Brunei dan Muara.

## Peraduan Zikir dan Berzanji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak empat pasokan yang terdiri dari zikir Persatuan Ikatan Kampong Lurong Sikuna, Pasokan Awang Duraman, Pasokan Lurong Sikuna dan Pasokan Kampong Saba Ujong kesemua-nya dari Bandar Seri Begawan telah menyertai Peraduan Zikir 'Ashrakal yang di-anjorkan oleh Kelas Zikir Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Peraduan yang telah di-adakan pada malam Rabu, 19hb Julai itu, telah juga di-dahului dengan peraduan Berzanji pada malam Selasa, 18hb Julai yang di-sertai oleh sembilan orang peserta perempuan.

Peraduan itu telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Penasehat Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang di-langsongkan di-Dewan Pameran DBP.

Peraduan tersebut juga telah di-adakan sempena memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun.

Pasokan yang berjaya mendapat tempat pertama dalam Peraduan Zikir 'Ashrakal ia-lah Pasokan Persatuan Ikatan Kampong Lurong Sikuna (IKLS), tempat kedua di-menangi oleh Pasokan Kampong Lurong Sikuna dan Pasokan Awg. Duraman memenangi tempat ketiga.

Manakala dalam Peraduan Berzanji, johan di-sandang oleh Dayang Asmah bte Paidi, naib johan Dayang Rogayah bte Mudim Awang Siraj dan ketiga Dayang Ajijah bte Haji Md. Salleh.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Datin Hajjah Dayang Siti Hara bte Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohd. Taha, isteri YB. Pehin Orang Kaya Amar Diraja pada malam Jumaat, 21hb Julai.



**GAMBAR menunjokkan Pasokan Persatuan Ikatan Kampong Lurong Sikuna yang di-ketuai oleh Awang Abdul Latif bin Haji Matnor, johan Peraduan Zikir.**



LEBEH dari 300 orang kanak2 damit telah mengambil bahagian dalam pertunjokan kanak2 sehat yang telah di-adakan di-Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat lalu.

Pertunjokan yang di-adakan sabagai salah satu achara perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang ka-32 tahun itu di-anjorkan oleh Pertubohan Perkumpolan Perempuan. Pertunjokan tersebut telah di-bahagikan kapada empat kumpolan ia-itu "A" bagi kanak2 damit yang berumor empat hingga lapan bulan; "B" lapan hingga 12 bulan, "C" 12 hingga 18 bulan dan "D" 18 hingga 24 bulan.

Dalam Kumpolan "A" — Ian Geoffrey bin Mohd Berkley Steward mendapat tempat pertama; Abdul Rahman bin Othman, tempat kedua dan Adly Ariffen bin Ismail tempat ketiga.

Sukarni bte Johari mendapat tempat pertama dalam Kumpolan "B" manakala tempat kedua dan ketiga masing2 di-menangi oleh Ak Mazlan bin Pg Ahmad dan Mohd Denny Zahril bin Zainal Abidin.

Dalam Kumpolan "C", Ak Shahraine bin Pg Shahdan mendapat tempat pertama, kedua—Khairuddin bin Ahmad dan pemenang ketiga ia-lah Azman bin Abdul Aziz.

Nor Haidawati bin Abdul Hamid mendapat tempat pertama dalam Kumpolan "D"; tempat kedua di-menangi oleh Ak Redziman bin Pg Ahmad dan Hanafadziah bte Halidin memenangi tempat ketiga.

Pertunjokan yang sama juga telah di-adakan di-Kuala Belait dan di-Pekan Bangar.

Gambar atas kelihatan penghakiman sedang di-jalankan sementara gambar kanan salah sa-orang kanak2 damit yang memenangi pertunjokan tersebut.



# OVER 300 BABIES COMPETE IN SHOW

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than three hundred babies took part in the Healthy Baby Show held last Friday at the Town Hall here.

The show was organised by the Brunei Women's Institute in conjunction with His Highness the Sultan's birthday celebrations in the Brunei Muara District.

It was divided into four sections namely 'A' for babies aged from four months to eight months; 'B' over eight to twelve months; 'C' over twelve to eighteen months and 'D' over eighteen to twenty-four months.

In Section 'A', Ian Geoffrey bin Mohammad Berkley Steward was first, Abdul Rahman bin Othman second and Adly Ariffen bin Ismail third.

Sukarni binte Johari was first in Section 'B' while second and third places went to Awangku Mazlan bin Pengiran Ahmad and Mohammad Denny Zahril bin Zainal Abidin respectively.

In Section 'C', first was Awangku Shahraine bin Pengiran Shahdan, second was Khairuddin bin Ahmad and third was Azman bin Abdul Aziz.

Nor Haidawati bin Abdul Hamid was first in Section 'D' while second and third prizes were won by Awangku Redziman bin Pengiran Ahmad and Hanafadziah binte Halidin respectively.

The wife of YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah presented the prizes.

Among those present at the prize giving ceremony were Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Norain, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Hajjah Siti Rafeah, Yang Dimuliakan Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Rosnah and the wife of the Mentri Besar, Datin Masnah.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah (right) presenting trophies and other prizes to the mother of Baby Sukarni binte Johari.

## Baby show in Belait District

KUALA BELAIT. — A Baby Show was held at the Civic Centre here last Wednesday as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations in the Belait District.

The show, organised by the Medical and Health Department, was divided into three sections namely, Group 'A' for babies aged from six to twelve months; Group 'B' for babies aged over twelve to eighteen months and Group 'C' for babies aged over eighteen to twenty-four months.

There were a total of 136 babies of whom fifty-seven competed in Group 'A'; fifty in Group 'B' and the rest in Group 'C'.

Dayang Aisah binte Bujang won Group 'A' with Dayang Rosazilinda binte Maiddin second and Dayang Suriani binte Norani third.

In Group 'B' Awang Yusri bin Jumat was first, Dayang Yeo Chyau second and Dayang Fauziah binte Kamis third.

Dayang Kong Chui Hiong emerged winner in Group 'C' while second and third places went to Dayang Rima Melatis binte Manaf and Awang Mohammad Irmawi bin Yahya respectively.

The wife of the Belait District Officer, Datin Naemah binte Haji Razali presented the prizes to the winners.

Fifteen other participants — five from each group — received consolation prizes which were presented by Datin T. Panch, the wife of the District Medical Officer.

Two babies born on July 15, the official birthday of His Highness the Sultan, were also awarded prizes.

The babies, Dayang Saliha binte Sibol and Dayang Hiriani binte Awang Tahir were born at 8.30 a.m. and 2.30 p.m. respectively.

The District Officer Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar presented the prizes.

## Cross country race

BUKIT BENDERA. — A total of one hundred and three competitors last Friday took part in the cross country race held at the Muda Hashim Secondary Malay School here as part of the Sultan's birthday celebrations in the Tutong District.

The race was organised by the Tanjong Maya Youth Association and divided into boys and girls sections.

The distance for boys was over four miles while for girls it was over three miles.

Duba Yunton was first in the boys section, Damol Malor second, Gamong Buda third and Asmat Umar fourth.

In the girls section, first was Siti Ajar Haji Bakri, second was Rosni Putong, third was Thani Linggau and fourth was Zaleha Mabong.

Teams from the Muda Hashim Secondary Malay School won first, second and third places in both boys and girls sections in the team events.

The Assistant District Officer, Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim presented the prizes to the winners.



DUBA Yuton receiving his prize from the Tutong ADO Pengiran Maidin.



## Anti — TB drive to start in Oct.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Three senior officers from the Medical and Health Department last week visited the Tutong District to explain to village leaders the details of a campaign against the disease Tuberculosis.

The three officers, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Perkasa Pengiran Haji Mohammad Said, Dr. Sinnatamby and Awang Adinin Dato Haji Ibrahim took turn to brief about fifty penghulus, ketuas and ketua rumah panjang at a session held at the district oofice conference room.

The Tutong District has been chosen for the start of the state-wide anti-TB campaign which will be the most concerted drive against the disease for some years.

The campaign will start in the district in October.

Our picture above shows the District Officer Awang Haji Yahya bin Haji Harris explaining to the village leaders the purpose of the meeting.

On the DO's left is YAM Pengiran Laila Perkasa Pengiran Haji Mohd. Said while on his right is Dr. Sinnatamby.



HAJI Hamdani holding the cheque which was just handed over by Mr. Livingstone.

## BSP awards 24 new bursaries

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Shell Petroleum Company is awarding twenty-four new bursaries this year to needy and outstanding students to complete their studies in the State.

Of the recepients five are preparing for Higher School Certificates while the rest are sitting for Brunei Certificates of Education.

The Company has also renewed the bursaries of sixteen other students, four of whom are sitting for Higher School Certificates with the remainder taking Brunei Certificates of Education.

A cheque amounting to twenty thousand dollars was presented by the Company's Trade Relations Adviser, Mr. Sandy Livingstone, to the Chief Scholarships and Welfare Officer of the Education Department, Awang Haji Hamdani bin Haji Abdul Rahman, at a ceremony held at his office here last week.

## More births

BANDAR SERI BEGAWAN. — A total of two thousand eight hundred and twenty-five babies were born in the State in the first six months of this year, an increase of one hundred and forty-three over the same period last year.

The Registrar of Births and Deaths who released these figures said of the total, one thousand four hundred and thirty-three were males.

The Registrar also disclosed that three hundred and ninety-three people died in the same six months this year compared to three hundred and fifty-one in the corresponding period last year.

## Working hours

BANDAR SERI BEGAWAN. — Working hours in Government Departments throughout the State during the fasting month of Ramadhan from Monday to Thursday and on Saturday are 8.a.m. to 12.15 p.m. and 1.15 p.m. to 4.00 p.m.

Daily-paid workers should report for duties in the morning half an hour later than their usual time while in the afternoon, their working hours remain as usual.

# SAMBUT BULAN RAMADHAN DGN. PENOH IMAN DAN TAKWA

MARI-LAH kita sama2 bertakwa kehadhrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua surohan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Beberapa hari sahaja lagi kita memasoki bulan Ramadhan, bulan berkat dan berkebajikan. Bulan Ramadhan ia-lah bulan yang senantiasa di-tunggu2 oleh orang2 yang beriman dengan perasaan riang gembira, tetapi dalam pada itu ia juga kadang2 menggelisahkan sa-tengah orang2 Islam, sebab bulan ini di-anggap-nya sa-bagai bulan menyekat kebebasan makan-minum-nya dan lain2 yang di-larang dalam masa mengerjakan ibadat ini.

Wahai kaum Muslimin! Sekali lagi di-tegaskan bahawa bulan Ramadhan ia-lah bulan berkat. Sa-lain pada bulan ini di-fardhukan ibadat puasa, juga dalam bulan ini-lah di-turunkan Kitab Suchi Al-Kor'an, kitab hidayat dan petunjok bagi manusia, yang mengeluarkan mereka dari alam gelap kapada chahaya yang terang benderang ia-itu Ugama Islam, sa-bagaimana ada di-sebut dalam Surah Al-Baqarah ayat 185.

Jadi, bulan Ramadhan itu alang-kah indah-nya jika kita sambut dengan penoh iman dan takwa, kita isi dengan ibadat dan amal2 kebajikan sa-banyak2-nya, saperti banyak membacha Al-Kor'an dan zikir, selawat dan bersedekah, mudah2an dengan itu dapat kita menegohkan dan membaiki lagi hati kita umat Islam.

Dalam masa kita berpuasa, kita di-kehendaki menjaga diri dari beberapa perkara antara-nya:

1. Jangan membazir belanja dan berlebeh2an dalam makan-minum, kerana membazir itu amalan shaitan.

2. Jangan berchakap dengan kata2 yang kotor atau fitnah dan menyakiti orang lain.

3. Jangan suka melihat perkara2 yang sia2 dan maksiat.

4. Jangan suka mendengar perkataan yang keji dan jahat saperti mengumpat dan sa-bagai-nya.

Ramadhan itu mempunyai mertabat yang tertentu di-sisi Allah Ta'ala, kerana itu kita perlu memuliakan-nya supaya kita dapat menchapai mertabat tersebut. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *"Ramadhan itu permulaan-nya ia-lah rahmat, pertengahan-nya keampunan dan akhir-nya ia-lah kebebasan dari api neraka".*

Atas asas ini-lah orang 'arif dan beriman merasa riang dan gembira menyambut ketibaan bulan Ramadhan dengan harapan akan banyak beroleh rahmat dan menchapai mertabat bulan tersebut. Orang yang berpuasa dengan ikhlas kerana Allah, kerana menjunjong titah perintah-Nya, mesti akan merasa nekmat sapanjang waktu, tenang ketika sedang berpuasa dan shukor ketika berbuka, dan lapang dada sesudah dapat menyempurnakan genap sa-bulan. Ini-lah sabahagian dari kebahagiaan hidup orang2 yang beriman, mereka mengokohkan rohani dan jiwa-nya dengan ibadat, dengan puasa.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari, terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26hb Julai, 1978 hingga ka-hari Selasa 1hb Ogos, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 3hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 4hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 5hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 6hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 7hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 8hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## KHUTBAH JUMAAT



# Manusia yang mengubah zaman-nya

DALAM menempoh gelombang hidup ini, kita akan terasa suasana alam ini berubah-ubah dengan chepat-nya dari satu zaman ka-satu zaman yang lain tanpa terasa oleh kita. Peredaran2 zaman itu mempunyai nama2-nya yang tersendiri, mengikut musim dan suasana ketika itu. Kebanyakan orang akan mengikut peredaran dan perubahan zaman itu dengan apa chara sa-kali pun kerana mereka tidak mahu dan takut untok di-katakan sa-bagai ketinggalan zaman.

Kalau dulu-nya orang takut untok berbuat sesuatu yang bertentangan dan kurang baik dan kita selalu minta pandangan dari orang yang lebeh tua dan mendalam kebolehan-nya, tapi kini kebanyakan-nya sudah tidak begitu di-hiraukan dan di-pentingkan sangat. Mereka bertindak tanpa segan silu dan berasa takut. Bahkan lebeh dari itu pun ada; ia-itu mereka menganggap perkara itu sa-bagai suatu perkara yang biasa saja. Ini-lah di-antara pengaroh2 yang kurang sehat yang menyelubongi jiwa orang yang inginkan perubahan zaman, sehinggakan diri mereka sendiri pun berubah mengikut arus itu.

Konon-nya kalau kita mengikuti peredaran dan perubahan zaman itu kita akan di-anggap sa-bagai orang2 yang telah maju. Tapi pada hakikat-nya adalah tidak, kerana apa yang kita rasai dan ikuti itu adalah suatu peralehan yang telah pernah di-rasai oleh orang2 yang terdahulu dari kita, chuma di-tokok tambah sedikit.

Adapun yang di-katakan zaman berubah-ubah itu, sa-benar-nya bukan-nya zaman yang berubah, tapi penghuni2 zaman itu yang sengaja mahu mengubahnya. Mungkin mereka telah bosan dan "kalanguan" dengan keadaan mereka ketika itu lantas terus inginkan perubahan.

Manusia tidak akan merasa senang dan selesa jika kehidupan mereka senantiasa berada di-dalam satu2 keadaan yang tetap dan

## Bingkisan minggu ini

tidak berubah-ubah, sahinggakan mereka berani untok berbuat sesuatu yang mereka tahu akan mengakibatkan sesuatu yang tidak baik, samada yang akan mengenai diri sendiri atau pun orang lain.

Mereka akan sanggup untok menanggong apa saja yang di-lemparkan ka-atas diri mereka. Segala chachian, sumpah seranah ataupun keperchayaan tidak akan di-berikan pada diri mereka, akan terima dengan senyum riang lagi.

Ini-lah suatu keanehannya, tahu sudah akan akibat bila berbuat-nya, tapi maseh juga di-lakukan perkara tersebut. Sama-lah juga hal-nya kalau kita main api, tentu akhir-nya akan membakar diri sendiri.

Kalau kita fikirkan akan perkara ini terasa oleh kita bahawa ini ada-lah di-sebabkan kita tidak mempunyai pendirian yang tetap yang mana senantiasa berubah-ubah mengikut peredaran.

Kalau kita inginkan membuat sesuatu perubahan memang-nya tidak di-larang, asalkan ia-nya bersesuaian dengan lunas2 ajaran Ugama Islam yang suchi murni ini. Jangan-lah hendak-nya ugama pula kita hendak sesuaikan dengan sesuatu perubahan itu.

Orang pernah mengatakan 'Anak sungai lagi berubah ini-kan pula diri manusia'. Ini tidak-lah boleh kita buatkan satu perbandingan sebab kita ada-lah mahlok yang mempunyai akal fikiran yang waras.

Adapun orang yang senantiasa inginkan sesuatu perubahan semata2 perubahan tentu-nya tidak tegoh di-dalam pendirian-nya. Mereka ini tidak pernah kenal erti kepuasan dan berpada-pada, sa-telah "kalanguan" yang satu hendak pula yang satu lagi. Ini-lah tanda orang yang tidak menshukori rahmat Allah s.w.t.

Sa-benar-nya semua ini ada-lah ujian2 dari Allah s.w.t. Ini terpulang-lah pada diri kita untok menghadapi seribu satu pancharoba penghidupan di-dunia ini. Sa-patut-nya kita ingat-lah larangan dan peringatan dari Allah yang di-jelaskan-Nya di-dalam Surah Fathir ayat 5 yang bermaksud kira2; *"Hai manusia! jangan-lah kamu tertipu oleh kehidupan dunia, dan jangan-lah keperchayaan kamu kapada Allah tertipu oleh yang amat pandai menipu".*

# Penyakit jiwa menyebabkan keruntohan masharakat

SAMBONGAN petekan sharahan khas Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama di-Pertandingan Membacha Al-Koran Perengkat Dewasa Sa-Negeri tahun 1978.

DI-DALAM ayat2 yang di-bacha malam semalam ada dua penyakit jiwa manusia yang sangat merbahaya yang menyebabkan keruntohan masharakat manusia itu. Pertama hawa nafsu yang buas yang tidak terkawal, saperti di-sebutkan dalam surah Al-Jathiah ayat 23, yang bermaksud;

*"Dan tiada-kah (Muhammad) melihat orang2 yang menjadikan hawa nafsu-nya sa-bagai Tuhan-nya dan Allah telah membiarkan-nya sesat dengan kesedaran-nya sendiri. Telinga dan hati-nya telah di-tutop dan pandangan-nya telah di-halangi, maka siapa-kah lagi, setelah Allah membiarkan-nya sesat itu, yang akan memberi pimpinan kebenaran kapada-nya."*

Dari ayat ini kita dapat mengerti bahawa Allah Ta'ala itu tidak menghalang orang yang mahu mengikut jalan sesat, dengan kesedaran dan pengetahuan mereka bahawa perbuatan mereka itu mereka tau sendiri ada-lah sesat, ada-lah berpandukan hawa nafsu yang ganas.

Tapi apa-kah kesudahan-nya? Hawa nafsu di-dalam jiwa itu tidak di-nampak, tidak berbau dan tidak di-dengar suara-nya. Sebab itu banyak orang tiada tau bahawa di-sebalek muka yang manis, keolahan yang lemah lembut, perchakapan yang bersusun rapi itu ada di-dalamnya api yang boleh membakar hutan belentara, pedang yang boleh membunoh beribu jiwa musoh yang sangat ganas.

Apabila hawa nafsu itu sudah menguasai manusia, maka Iman kapada Allah di-serang-nya sebagaimana barah menyerang tuboh badan manusia, dari darah, jantung, otak dan sa-bagai-nya.

Maka manusia itu akan beriman kapada Allah menurut kepentingan2 yang tertentu saja. Ia akan ber iman kapada Allah dalam perkara2 yang manis dan mendatangkan keuntongan saja.

Jikalau terkena batang hidung sendiri yang sakit, yang menyusahkan maka mereka dengan segala daya menchari jalan keluar yang biasa-nya menyalahi peratoran dan undang2. Allah berfirman dalam Surah Al-Hajj ayat 11 hingga 13, yang berertі:

*"Dan terdapat di-antara manusia itu yang menyembah Allah di-tepi bibir-nya saja sehingga kalau dia mendapat kebajikan hati-nya akan tenteram, tetapi apabila di-timpa chobaan maka dia berpaling tadah, dia (sebenar-nya) mendapat kerugian dunia dan akhirat. Itu-lah kerugian yang nyata. Dia meminta kapada selain daripada Allah yang tidak mendatangkan bahaya dan tidak juga memberi faedah kapada-nya. Itu-lah dia kesesatan yang jauh. Dia meminta kapada yang bahaya-nya lebeh hampir daripada munafa'at-nya, sesunggoh-nya itu-lah penolong dan teman yang paling burok."*

(BERSAMBONG)

# PENDAFTARAN PEPEREKSAAN BERMULA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Pepereksaan Brunei minggu ini mengumomkan pendaftaran bagi memasoki pepereksaan: Institiut City dan Guilds London, Disember, 1978; Sijil 'Am Pelajaran, London, Januari, 1979 dan Royal Society of Arts, Nobember, 1978 telah di-buka mulai sekarang.

Bagi pepereksaan Institiut City and Guilds pemohon2 sekolah boleh mendapatkan borang permohonan melalui Pengetua2 Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait; Sekolah Pertukangan Bangunan Saiful Rizal, Jalan Muara dan dari Ketua Jabatan Latehan Sekolah Pertukangan Sharikat Shell, Seria.

Untok pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran London perengkat biasa dan tertinggi pula chalon2 mesti-lah telah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sa-banding dengan-nya.

Permohonan juga kini mula di-terima bagi chalon2 yang akan mendudoki mata pelajaran tunggal dalam pepereksaan Royal Society of Arts dalam bulan Nobember depan yang mana pepereksaan ini akan di-jalankan di-pusat pepereksaan Maktab SOAS, Maktab Anthony Abell dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

Mata2 pelajaran dalam pepereksaan itu termasoklah Simpan Kira2, Trengkas, Menaip, Perdagangan, Ilmu Hisab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa asing dalam tiga perengkat (permulaan, menengah dan tertinggi).

Borang2 permohonan bagi ketiga2 jenis pepereksaan tersebut boleh juga di-dapati dari Pejabat Lembaga Pepereksaan Brunei di-Bandar Seri Begawan dan chalon2 persendirian yang berhajat untok memasoki-nya boleh-lah berhubong dengan pejabat berkenaan.

Semua pembayaran2 masok pepereksaan itu mesti-lah di-buat sa-chara tunai atau chek yang boleh di-buat kapada Lembaga Pepereksaan.

Borang2 masok yang telah di-isi lengkap yang disertakan dengan bayaran dan surat2 akuan atau sijil2 hendak-lah sampai ka-Pejabat Lembaga Pepereksaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada 21hb Ogos depan.

## Hadrah Sekolah2

PERPINDAHAN BERAKAS. — Sekolah Rendah Melayu Pengiran Anak Puteri Besar dan Sekolah Persediaan Inggeris Dato Godam 'B', kedua2-nya dari Daerah Brunei Muara telah menjadi johan dalam peraduan Hadrah Sekolah2 Rendah dan Persediaan Inggeris kali kedua tahun ini.

Peraduan tersebut yang di-langsongkan di-Sekolah Melayu Amar Pahlawan di-sini Ahad yang baru lalu telah di-rasmikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awg Mohd Saleh bin Hj Masri, Ketua Pegawai Penerangan, Brunei.

Sa-ramai 520 orang murid dari 21 buah pasokan hadrah sekolah2 telah menyertai peraduan itu yang mana tempat kedua dimenangi oleh SM Pusar Ulak dan ketiga Sekolah Rendah Haji Tarif, Kampong Tamoi sementara bagi Sekolah2 Persediaan Inggeris, tempat kedua jatoh kapada SPI Dato Godam 'A' dan ketiga SPI Haji Tarif.

Penyampaian hadiah2 yang berupa wang tunai dan oskar rebutan telah dilakukan oleh Awg Haji Jaya bin Abdul Latif, Ketua Unit Latehan, Jabatan Perjawatan Brunei di akhir peraduan itu.






KELIHATAN antara tetamu kehormat dalam peraduan tersebut, dudok di-hadapan dari kiri: Awang Zaini Abdul Hamid, Penyusun Latehan Kesenian; Awang Haji Jaya Abdul Latif, Ketua Unit Latehan; Awang Haji Abu Bakar Haji Apong, Ketua Unit Peranchang, Kajian dan Bimbingan; Awang Moktal bin Sahat, Guru Besar SM. Amar Pahlawan; YDM. Pehin, Ketua Pegawai Penerangan dan Awang Ahmad Haji Jumat, Pengarah Pelajaran.



SA-BAHAGIAN dari lebeh 500 murid yang menyertai peraduan tersebut sedang dudok untok menanti giliran bagi mempersembahkan permainan mereka.



PASOKAN dari Sekolah Rendah Haji Tarif Kampong Tamoi ketika memainkan persembahkan mereka. Pasokan ini mendapat tempat ketiga dan tidak berjaya mempertahankan kejohanan-nya yang di-sandang pada tahun lalu.



PENYAMPAIAN bantuan kewangan itu kelihatan dalam gambar di-atas telah di-lakukan oleh Awang B. Livingstone, Penasehat Hubongan2 Perdagangan Shell pagi Isnin 24hb Julai yang baru lalu kapada Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan Jabatan Pelajaran bertempat di-Pejabat Pelajaran di-sini.

# Sumbangan dari Shell

SA-RAMAI 24 orang penuntut telah menerima bantuan kewangan pelajaran dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, yang mana lima orang dari-nya menerima bantuan pelajaran bagi Sijil Tinggi Persekolahan dan 19 orang yang lain bagi perengkat Sijil Pelajaran Brunei, yang bernilai kira2 $20,000.00.

Bantuan kewangan pelajaran itu telah di-sampaikan minggu lalu dengan jumlah $500 tiap2 satu adalah bertujuan untok membantu mereka yang memerlukan-nya dan berhajat untok meneruskan pengajian mereka di-samping ia merupakan dorongan bagi Sharikat Shell untok menyokong ranchangan pelajaran Kerajaan.

Di-samping bantuan2 kewangan pelajaran itu, Sharikat Minyak Shell juga telah mengorniakan biasiswa2 menerusi Jawatankuasa Dermasiswa Kerajaan bagi membolehkan penuntut2 Brunei meneruskan pengajian mereka ka-seberang laut.

Penuntut2 yang telah menerima bantuan kewangan pelajaran di-perengkat STP ia-lah; Awg Khalid bin Abd Aziz; Awg Damit bin Md Arsad; Awg Ahmad bin Jaafar; Awg Ramli bin Apong dan Awg Mohd Yusof bin Hj Mat Don yang kesemua-nya dari Pusat Tingkatan Enam.

Manakala penuntut2 menerima bantuan kewangan bagi Sijil Pelajaran Brunei pula terdiri dari Awg Aji bin Moktar; Dyg Zaiton bte Abd Rahman; Awg Metusin bin Apong; Dyg Norliha bte Salleh; Dyg Norsiah bte Salleh dan Dyg Rungo bte Tagal dari Maktab SOAS.

Dyg Norhanie bte Hj Yusof; Awg Abd Rahman bin Madali dan Dyg Aishah bte Hj Ali dari Maktab Anthony Abell disamping Awg Abd Saman bin Ahmad dan Dk Rosita bte Pg Abdullah dari Sekolah Inggeris Berakas.

Dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong tiga orang penuntut-nya terpilah sa-bagai penerima bantuan kewangan itu yang terdiri dari Awg Salajan anak Kusau; Dyg Sendi anak Junidi dan Liew Yick Fatt. Manakala Salanjat bin Jaman; Morsilin bin Jundi dan Awg Zaifiandi bin Ibrahim dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, KB serta Dyg Zahrah bte Abidin dari Sekolah St George, BSB dan Awg Muhammad bin Omar dari Sekolah St Michael juga telah menerima bantuan masing2.

Di-samping itu sa-ramai empat orang penuntut STP dan 12 orang penuntut Sijil Pelajaran Brunei telah juga di-perbaharui bantuan kewangan mereka oleh Sharikat itu tahun ini.

## Bangunan sekolah baru

BELABAU, Ulu Tutong.— Kira2 37 orang murid disini akan mendapat sabuah bangunan sekolah yang baru yang di-jangka siap akhir tahun ini. Sekolah tersebut di-bena oleh Jabatan Pelajaran pada bulan Mei yang lalu sa-bagai menggantikan sekolah lama mereka yang telah roboh akibat satu ribut kencheng.

Sejak ketiadaan bangunan sekolah pada Mei yang lalu itu, murid2 tersebut telah meneruskan persekolahan mereka di-kawasan bawah rumah guru yang disediakan.

Pembenaan sekolah yang baru itu memakan belanja kira2 $56,000.00 dengan mempunyai enam buah bilek darjah, sa-buah bilek guru dan sa-buah bilek perpustakaan.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

DENGAN bermula-nya Bulan Puasa RTB akan memulakan siaran-nya 15 minit lebeh awal dari biasa pada sa-tiap petang untok memasokkan ranchangan Menjelang Sungkai. Oleh kerana tarikh permulaan Puasa belum dapat di-tentukan lagi, akan terdapat sedikit perubahan dalam susunan ranchangan d-antara pembukaan pemancharan dan hingga pukul 7.00 malam.

### RABU — 2HB. OGOS,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "The Doomsday Machine"
6.40 AZAN MAGHRIB
6.44 STAR TREK — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 RICH MAN POOR MAN — Episode ketiga
Rudy Jordache
Dunia Rudy Jordache yang satu ketika begitu kukoh menjadi terancham oleh keinginan sa-orang jutawan untok mendapatkan kuasa.
7.51 AZAN ISHA
7.55 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 TAMU MINGGU INI
9.00 BEWITCHED — "Birdies, Bogies and Boxter"
Dengan pertolongan isteri-nya Samantha dan emak mertua-nya Endora, Darrin menjadi sa-orang pemain golf yang handal — tetapi ini menyebabkan Darrin hampir2 kehilangan pekerjaan-nya.
9.30 THE TWO RONNIES — Sa-lama lima puloh minit persembahan komidi dari Ronnie Baxter dan Ronnie Corbett.
10.20 PERLAWANAN GUSTI
11.20 SIARAN TAMAT.

### KHAMIS — 3HB. OGOS,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOT WHEELS
6.30 THE SECRET OF ISIS — "Big Foot"
6.40 AZAN MAGHRIB
6.44 THE SECRET OF ISIS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOW THE WEST WAS WON — James Arness sa-bagai Zeb Macahan sa-orang lelaki pergunongan yang menunjokkan dengan jelas-nya keseronokkan dan pengembaraan di-sempadan barat Amerika yang belum di-teroka pada tahun 1867.
7.51 AZAN ISHA
7.55 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT
9.00 DOKUMENTARI MELAYU — "Naluri Manusia"
9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.30 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT — 4HB. OGOS,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL
5.30 HERE COMES MUMFIE — "Snowscene Paperweight"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.30 THE MUPPETS
6.40 AZAN MAGHRIB
6.44 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PUSPARAMA
Kita akan di-hiborkan dengan sa-orang penyanyi berbakat S. Sudirman dan sa-buah pancharagam yang bernama "Band Discovery".
7.51 AZAN ISHA
7.55 PUSPARAMA sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE GOOD LIFE — "The Day Peace Broke Out"
9.30 THE WATER MARGIN — Episod kelima belas.
Orang2 Liang Shan Po jatoh sakit sa-orang demi sa-orang. Mereka berfikir satu sumpahan telah di-kenakan ka-atas mereka oleh si-pengkhianat Wang Lu. Untok menjauhkan hantu shaitan sa-orang padri di-benarkan masok ka-khemah — tetapi ia merupakan sa-orang pengintip yang menyamar diri.
10.20 MYSTERY MOVIE : Columbo "The Conspirators"
11.50 SIARAN TAMAT.

### SABTU — 5HB. OGOS,

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Mischief"
6.40 AZAN MAGHRIB
6.44 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FEATHER AND FATHER GANG — "Flight to Mexico"
Harry Danton menggunakan satu pelayaran penerbangan yang berpura2 untok menipu sa-orang penchuri berlian yang menyangka diri-nya sedang di-terbangkan ka-Mexico dengan selamat-nya.
7.51 AZAN ISHA
7.55 THE FEATHER AND FATHER GANG — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 INTISARI
9.00 STARS ON ICE
9.30 STARSKY AND HUTCH — "Nightmare"
10.20 GERMAN SOCCER
11.10 TAYANGAN MALAM SABTU : "Something for a Lonely Man"
12.45 SIARAN TAMAT.

### AHAD — 6HB. OGOS,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Berkebun"
5.30 THE MAGIC BALL
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT — "Nobody's Fool"
6.28 THE PARTRIDGE FAMILY — "I am a Curious Partridge"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.43 THE PARTRIDGE FAMILY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BIONIC WOMAN — "On the Run"
7.50 AZAN ISHA
7.54 BIONIC WOMAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SURIA
9.00 WHEELS — Episod kedua
11.00 THAT'S HOLLYWOOD
11.30 SIARAN TAMAT.

### ISNIN — 7HB. OGOS,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE—"The Creeper of Walnut Grove"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.43 THE LITTLE HOUSE ON PRAIRIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS "Angel Blues"
7.50 AZAN ISHA
7.45 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SERIKANDI
9.00 ARENA SOKAN — Hoki
9.45 BIG HAWAII
10.35 SURVIVORS — "A Little Learning". Jenny telah mendapat berita mengenai Greg dan Agnes dan telah meninggalkan Charles dan Hubert untok mengikuti perjalanan Greg dan Agnes.
11.25 SIARAN TAMAT.

### SELASA — 8HB. OGOS,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.39 AZAN MAGHRIB
6.43 SESAME STREET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAN FROM ATLANTIS — "C. W. Hyde"
7.50 AZAN ISHA
7.54 MAN FROM ATLANTIS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
9.00 ENTERTAINERS ON TOUR — "Sylvia Vrehtammar": Sweden.
9.30 BARETTA — "Photography by John Doe"
Tony Baretta di-bawa untok menyiasat satu komplot jahat yang sudah lama berjalan di-antara sa-orang hakim dan sa-orang penjahat selepas kematian sa-orang pegawai pulis yang bersara.
10.20 DOKUMENTARI MELAYU : National Geographic
11.10 SIARAN TAMAT.

## Tayangan Malam Sabtu





FILEM minggu ini ada-lah sa-buah drama yang menyayatkan hati mengenai chubaan sa-orang lelaki untok mendapatkan balek nama baik-nya dengan membokti kapada sa-buah bandar yang mendendam bahawa ia dapat mengadakan mata pencharian. Dan Blocker berlakun sa-bagai John Killibrew, sa-orang tukang besi yang di-pandang hina oleh orang2 Arcana. Pendudok2 bandar itu pergi ka-barat atas chadangan-nya. Mereka membena sa-buah bandar yang mereka perchaya akan di-lalui oleh landasan keretapi. Bagaimana pun bandar ini tidak di-lalui oleh landasan keretapi kerana satu perubahan perjalanan. Apabila sa-buah lokomotif gagal untok menjalani sa-buah landasan yang melengkong yang tinggi dan terjatoh ka-dalam sa-buah kolam di-gaung, Killibrew mendapati satu peluang untok mengadakan perusahaan bagi daerah Arcana, asalkan saja ia dapat memperolehi kembali sa-buah jentera yang di-katakan hilang oleh tuan punya-nya.

Susan Clark berlakun sa-bagai Mary Duren sa-orang yang terpelajar dan menyintai Killibrew tukang besi yang baik hati, walau pun ia memberi sedikit perhatian kapada-nya. Ia sanggop bertungkus lumus untok mengajar-nya membacha dan menulis dan bersama2 bekerja dengan bersunggoh2 mengeringkan kolam di-pergunongan untok menchari jentera itu.

## Bionic Woman "On the Run"



EPISOD terakhir Bionic Woman akan dapat di-saksikan pada hari Ahad 6 Ogos jam 7.15 malam. Jaime Sommers (yang di-lakunkan oleh Lindsay Wagner) merasa takut kuasa bionik-nya yang akan mengatasi sifat peri kemanusiaan-nya. Jadi-nya ia berchadang untok meletakkan jawatan dari O.S.I. dan kembali kapada penghidupan sebagai raayat biasa. Apabila Oscar datang untok menemui-nya ia menyangka Oscar datang untok meyakinkan-nya supaya kembali bekerja pada OSI, tetapi sebalek-nya Jaime menerima berita yang mengejutkan. Oscar menerangkan bahawa pehak kerajaan berpendapat pengetahuan-nya terlalu tinggi dan kuasa bionik-nya ada-lah rahsia yang maha besar untok membiarkan-nya hidup bebas. Kerajaan mahu memasokkan-nya ka-dalam masharakat tersendiri yang mengandongi ejen2 yang bersara. Penghidupan ini sama-lah saperti menghabiskan usia-nya selanjut-nya di-penjara, jadi-nya Jaime terpaksa melarikan diri-nya.











PENGAWAL Radio Talivishen Brunei, Dato James Millar, dan Penolong Pengawal RTB, Awang Md. Salleh Abdul Kadir, bergambar ramai dengan kakitangan RTB yang telah menjayakan Pintu Gerbang Bangunan, (tempat Pertama), Kereta Berhias (tempat Ketiga-Siang) dan Pakaian Beragam (di-jayakan dengan sukarela oleh bahagian Rekabentok) bagi menyambut Hari Puja Usia Kebawah DYMM yang ke-32 tahun.



Petekan dari 'TAHU-KAH ADEK" — di-mana sa-orang adek SAS ingin tahu macham mana meshen SPEED RADAR TRAP boleh menchatet dan menggambar kereta2 yang laju dan melebehi had kelajuan (speed limit).



SURAT2 jawapan KUIZ sedang di-buka dan di-semak jawapan oleh penerbit2 SAYANG ADEKKU SAYANG, Dayangku Fatimah bte Pengiran Setia Jaya Pg Haji Abdul Mumin dan Awang Musdi Gapar.

## Ranchangan menarek dalam Serikandi minggu ini

Ranchangan2 menarek minggu ini untok peminat2 Serikandi minggu ini ialah sa-buah petekan filem mengenai dengan memberikan anak damit susu ibu, sa-bagaimana yang telah kita sama2 maklum, sejak akhir2 ini sering di-perkatakan mengenai perkara ini. Untok sama2 mengetahui-nya ikuti-lah petekan filem ini nanti.

Seterus-nya pada wanita2 yang berniat dalam seni gubahan pula, Kak Sharifah akan memberikan pula tunjokchara menggubah Burong Merak dari buah nenas (gambar bawah).

Di-sudut Kesihatan pula kali ini kita bersama2 Sister Awang Johari Abd. Rahman untok menjawab masaalah yang di-kemukakan oleh sa-orang peminat Serikandi dari Kuala Belait Dayang Fatma Hj Hamdan. Saperti biasa mengakhiri ranchangan kali ini kami hidangkan dengan masakan, kali ini kita ikuti pula chara membuat Kueh Rangin oleh Dayang Aisah bte Pehin Udana Khatib Haji Junit.

Di-bawah ini di-sertakan resepi chara2 membuat KUEH RANGIN

Bahan2-nya:

- 1 chawan tepong pulut
- 1 biji kelapa buang ku'it-ari-nya, di-parut
- ½ kati gula

Peratoran-nya:

Tepong pulut di-ayak di-dalam mangkok, kemud'an champor dengan kelapa dan gaul rata2, panaskan achuan rangin, bila panas masokan adunan tadi anggaran sa-tengah achuan, buboh gula untok inti-nya, kemudian masokan lagi adunan tepong tadi di-atas-nya.

Kemudian bakar dengan api atas bawah, masak hingga kuning dan angkat.





## Arena Sokan

Arena Sokan Minggu ini, yang akan di-siarkan pada 7hb Ogos 1978 akan di-isikan dengan perlawanan akhir Kejohanan Hoki yang telah berlangsong di-Padang Bolkiah Kem.

Perlawanan tersebut ialah untok menentukan pasokan2 mana-kah yang akan menyandang juara dalam bahagian lelaki dan perempuan. Kita tunggu dan saksikan apa-kah juara tahun lepas akan dapat mempertahankan kejagohan-nya atau sa-balek-nya. Atau-kah pasokan2 yang baru munchol akan bersaing dalam kejohanan tersebut? Sama2-lah kita nantikan.

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI**: 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI**: 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). **T/HARI**: 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI**: 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI**: 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG**: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI**: 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI**: 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban: 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



PESERTA yang akan di-beri peluang untok memileh lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini ia-lah Dayang Halimah bte Wahab No. 7, Kampong Sungai Kedayan 'B', Bandar Seri Begawan, Brunei (gambar atas).

Lagu2 pilehan Dayang Halimah akan dapat di-dengar pada hari Jumaat 4hb Ogos, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON**: 12.00 — Music in Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali (repeat). **PM**: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. **NOON**: 12.00 — My Word (repeat). **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 —Opening Announcement—The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Tajul Ahmad Calling On You. **NOON**: 12.00 Our Brunei (repeat). **PM**: 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Our Local Entertainers produced by Sheikh Abbas; 8.30—"Down Payment On Death" episode 3, "A Life for A Life" by Jim Eldridge; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Does the team think; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — A dated with ..............; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — From Our Local Entertainer (repeat); 11.30 —Women's World produced by Evelyn Samuel. **NOON**: 12.00 — The Royal Salute by Veronica Shim; 12.30—News; 12.45—"Doors To Opportunity" by Jaafar Yakup (repeat); 1.00 —Close Down. 8.00—Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Veronica Shim; 10.30 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — World Theatre — The Merchant of Venice by William Shakespeare. **NOON**: 12.00 — Forum by Vivien Cheong. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Answers — produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Musical Diary by Nafisah Haji Ali; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Siti Azra produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. **NOON**: 12.00 — World Theatre (repeat). **P.M.**: 12.30 — News; 12.45 — —What Fascinates Me by Evelyn Samuel; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Door to Opportunity by Jaafar Yaakub; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 9.00 — —Hot Question Cool Answers (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Perspective; 9.45 — Theatre Forty-Five "Saturday Roster" by R. D. Wingfield; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special. **NOON**: 12.00 — Be My Guest (repeat). **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring 5th Anniversary Special Side 2; 8.30 — Its All Yours by Veronica Shim; 9.00—From Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany. 10.30 — Close Down.



KELIHATAN gambar di-atas helikopter yang bersiri AMDB 100 dengan warna chelorong-cheloreng itu ketika di-keluarkan dari perut pesawat Herculis kepunyaan Angkatan Udara Singapura dan gambar bawah helikopter itu sedang di-sorong ka-dalam bengkel kapalterbang.

# "CHELORONG-CHELORENG"
## A.M.D.B. SAMPAI

SA-BUAH pesawat helikopter Chawangan Udara AMDB telah tiba ka-negeri ini pada petang Khamis, 27hb Julai yang baru lalu dari Singapura.

Helikopter tersebut dari jenis 'Bell 205' ada-lah salah sa-buah dari pesawat kepunyaan pasokan itu yang di-chat di-Singapura dengan warna 'chelorong-cheloreng' (camouflage paint).

Ketibaan helikopter itu telah di-sambut oleh pegawai2 penerbangan Chawangan Udara dan mendarat di-Lapangan Terbang Antarabangsa dengan di-bawa oleh pesawat Herculis kepunyaan Angkatan Udara Singapura.

Ada-lah di-fahamkan ketibaan helikopter yang berwarna demikian akan di-jadikan chontoh oleh pasokan tersebut dan besar kemungkinan semua pesawat helikopter yang ada dalam pasokan itu akan menggunakan warna chat chelorong-cheloreng.

Kemudian-nya helikopter tersebut telah di-pasang dengan kipas dan beberapa alat2 tambahan oleh pasokan jurutera Chawangan Udara Bengkel Kapal-terbang sa-belum ia-nya diterbangkan untok perchubaan, oleh Major Pengiran Dato Abidin.







## Pemuda2 di-kehendaki

PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei berkehendakkan lebeh ramai lagi pemuda2 di-negeri ini untok berkhidmat dengan pasokan tersebut. Rombongan pengambilan rekrut2 baru pasokan itu akan berada di-beberapa tempat mulai bulan Ogos ini sa-hingga bulan Nobember depan untok menjalankan temu-duga bagi mereka yang ingin memasoki kerjaya tentera.

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan berumor antara 17½ hingga 25 tahun dan terdiri dari puak2 jati Brunei.

Mereka mesti-lah mempunyai ukoran badan tinggi sa-kurang2-nya 5 kaki satu inchi, sehat dan berkelulusan sekolah dalam sa-kurang2-nya darjah enam Melayu atau Inggeris.

Kampong2 yang akan di-kunjongi oleh rombongan pengambilan tersebut dalam bulan ini termasok-lah Kampong Setia pada 8hb Ogos; Kampong Kupang pada 10hb Ogos dan Kampong Jerudong dan Rambai pada 11hb Ogos. Rombongan itu akan berada antara jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Sementara itu satu rombongan penemu-duga dari Pusat Latehan juga telah berada di-Maktab SOAS, Bandar Seri Begawan pada hari Isnin, 31hb Julai, yang lepas kerana menjalankan temu-duga kapada rekrut yang akan menyertai Pasokan Askar Muda Melayu Diraja Brunei.

Lebeh 400 orang penuntut dari sekolah menengah dan Maktab seluroh negeri telah mendaftar untok memasoki pasokan tersebut.

Pasokan yang baru ditubohkan itu ada-lah bertujuan untok melateh pemuda2 dalam bidang ketenteraan dan akan berkesempatan sa-penoh-nya mengikuti pengajian akedemik dan lain2 kemahiran teknikal sa-lama 2½ tahun hingga 3 tahun.

Ada-lah di-fahamkan pasokan tersebut akan memulakan kursus-nya pada awal tahun 1979.



KELIHATAN dalam gambar di-atas sa-ramai 16 orang juruterbang dan anak buah kapal dari Pasokan Chawangan Udara Askar Melayu Diraja Brunei yang terdiri dari orang2 Melayu yang telah menyertai sambutan perbarisan yang berwarna-warni sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-32. Pasokan ini telah terbang lalu di-ruang angkasa ibu negeri dengan pesawat helikopter sambil melepaskan semboran yang berwarna-warni tanda kegembiraan dan keshukoran ka-atas Hari Keputeraan Baginda tahun ini.

## Ikuti Kursus Troop-Leader

LT. Abdur Rahman bin Dato Paduka Haji Basir dari Batalion Kedua AMDB telah bertolak ka-United Kingdom pada 25hb Julai yang baru lalu untok menghadhiri kursus 'Troop Leader' di-Royal Armoured Course Centre, Vovington Camp.

Beliau akan mengikuti kursus tersebut sa-hingga Disember depan dan ada-lah merupakan sa-bagai satu persediaan bagi Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang akan mengadakan pasokan kereta perisai jenis Scorpion pada tahun hadapan.

Sementara itu pada hari Sabtu, 22hb Julai juga sa-orang Pegawai Kadet Askar Melayu Diraja Brunei yang pertama di-ambil dari persekolahan aliran Melayu telah juga berlepas untok mengikuti latehan ketenteraan di-Akedemik Tentera Diraja Sandhurst sa-lama enam bulan.

Sa-belum mengikuti kursus tentera, Pegawai Kadet Shamsulhayat bin Mohd. Ali akan mengikuti kursus bahasa Inggeris di-Camlot sa-lama dua bulan dan di-Ceacon Hill English sa-lama enam bulan.

## Pertandingan Al-Kor'an

BERAKAS.—Pusat Latehan AMDB, Perkhemahan Bolkiah di-sini telah mengadakan pertandingan membacha Al-Kor'an bagi memileh wakil untok ka-pertandingan antara unit AMDB.

Pertandingan itu ada-lah merupakan persiapan untok memileh wakil dari Pasokan AMDB ka-pertandingan membacha Al-Kor'an bahagian pasokan2 yang beruniform yang akan di-langsongkan di-Pusat Latehan Pulis Diraja Brunei tidak lama lagi.

Pemilehan bagi wakil Pusat Latehan tersebut telah di-langsongkan di-Perkhemahan Bolkiah di-sini pada malam tadi, 1hb Ogos.

Terdahulu dari itu Unit Pusat Latehan juga telah mengadakan pertandingan membacha Al-Kor'an bagi anak2 unit itu pada malam Isnin, 31hb Julai.

# BAJAYA JOHAN B-SEPAK ANTARA BAHAGIAN JKR

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pasokan BAJAYA (Bahagian Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan), telah menjadi johan perlawanan liga bolasepak antara Bahagian2 Jabatan Kerja Raya, yang telah di-langsongkan di-sini Ahad lepas.

Pasokan BAJAYA telah menewaskan Pasokan Makmal Pembenaan Bandar Seri Begawan dengan tendangan penalti 4-3.

Permainan pada petang itu sesunggoh-nya amat ranchak dan menarek peminat2 bolasepak tempatan. Kerana dari perlumaan perlawanan sa-hingga tamat kira2 sa-jam sa-tengah kedua2 pasokan itu dalam kedudokan seri 0-0. Masa di-tambah lagi sa-tengah jam dan kedudokan pasokan masing2 1-1 (maseh seri).

Untok menentukan kedudokan siapa johan dan naib johan dalam perlawanan itu, peluang di-berikan untok tendangan penalti sa-banyak 5 tendangan tiap2 pasokan dengan berakhir 3-3 (maseh seri). Kesempatan di-berikan lagi kapada tiap2 pasokan dengan sa-kali lagi tendangan penalti dan kali ini berakhir dengan BAJAYA menang 1-0.

Liga bolasepak antara Bahagian, JKR ini merupakan pertama kali di-anjorkan oleh jabatan tersebut untok bahagian2-nya. Pasokan Builders Bahagian Kerja Kanan, di-tempat ketiga dalam perlawanan ini.

Perlawanan tersebut di-mulakan sejak 14hb Mei, 1978 yang lalu, sempena sambutan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei kali ke-32 tahun ini. Ini merupakan projek tahunan JKR di-lapangan sokan.

Pengerusi pertandingan, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Mahmud serta ahli Jawatankuasa-nya menguchapkan tahniah kapada yang telah berjaya dan terima kaseh mereka kapada pasokan2 yang telah mengambil bahagian. Kapada pasokan yang kurang bernasib baik, chuba lagi pada tahun2 yang akan datang, tambah-nya.

Oskar rebutan Johan dalam perlawanan itu di-hadiahkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Talib bin Derwish sementara oskar rebutan Naib Johan telah di-hadiahkan oleh Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit — **Dari Awang Adinin Maylin.**





KELIHATAN Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Talib bin Derwish sedang menyampaikan Oskar rebutan kapada Johan pertandingan bolasepak antara Bahagian JKR, yang di-menangi oleh Pasokan BAJAYA.



PENGIRAN Ismail bin Pengiran Haji Damit sedang menyampaikan hadiah Naib Johan kapada Pasokan Makmal Pembenaan BSB.

## Bolasepak Kebangsaan Brunei ka-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 22 orang pemain bolasepak kebangsaan Brunei telah berlepas ka-Singapura minggu lalu untok mengadakan satu lawatan sa-lama tujoh hari. Sa-masa di-Singapura, mereka telah mengadakan perlawanan bolasepak sachara persahabatan dengan pemain2 bolasepak kebangsaan dan juga kelab2 bolasepak di-republik itu.

Lawatan tersebut di-anjorkan oleh Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei, sa-bagai salah satu persediaan bagi perlawanan Piala Borneo, yang di-jangka akan di-langsongkan di-Brunei pada bulan September depan.

Rombongan tersebut di-sertai oleh Jurulateh Bolasepak Kebangsaan, Awang Duncan McDowell dan Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Pengiran Idriss bin Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad.

BELIA DAN SOKAN

## SERTAI KEJOHANAN KARATE

ENAM orang ahli Persatuan Judo-Karate Amatur Negeri Brunei telah berlepas ka-Singapura, untok menyertai kejohanan undangan karate yang telah di-langsongkan di-republik itu pada 22hb Julai lalu.

Lain2 negara yang turut mengambil bahagian dalam kejohanan anjoran Persatuan Karate Singapura itu ia-lah; Indonesia, Malaysia, Hongkong, Filipina dan Singapura sendiri sa-bagai tuan rumah.

Turut berada di-lapangan terbang untok menguchapkan selamat belayar kapada perwakilan Brunei itu ia-lah Yang Dipertua Persatuan Judo-Karate Amatur Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid (berdiri di-tengah2). Ketua rombongan ia-lah Awang Louis Lim (nombor 3 dari kanan).

Sementara itu, bertempat di-Pusat Latehan Pulis Diraja, Jalan Muara, sa-ramai 34 pelateh Pulis telah menerima sijil dan tali-pinggang judo, Rabu lalu. Sa-takat ini, sa-jumlah, 1,864 orang telah menerima tali-pinggang judo (termasok yang telah menerima tali-pinggang hitam, ungu dan biru).



SA'AT2 yang menentukan siapa johan dan naib johan dalam perlawanan itu dengan tendangan penalti dan berkesudahan BAJAYA menang 4-3



PASOKAN BAJAYA bergambar ramai dengan oskar kemenangan sa-bagai johan liga bola sepak antara Bahagian JKR tahun 1978.

## MBB anjor lawatan ka-Taiwan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan satu lawatan muhibbah sa-lama 12 hari ka-Taiwan, ia-itu, pada 15hb Ogos ini. Ahli2 Jawatankuasa Tadbir sa-barang pertubohan belia yang bergabong dengan MBB, boleh-lah mendaftar untok menyertai lawatan itu.

Di-fahamkan bahawa harga tiket penerbangan pergi/balek di-anggarkan berjumlah $1,000. Pengangkutan serta lain2 keperluan akan di-sediakan oleh Majlis Belia2 Taiwan.

Permohonan2 untok menyertai lawatan itu boleh-lah berhubong dengan Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim, Jabatan Muzium.



# Senarai harga kereta yang di-persetujui oleh Pengawal Harga

BERIKUT ia-lah senarai harga kereta bagi tiga buah ajen penjual kereta di-negeri ini yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga Brunei.

Sharikat2 itu ia-lah North Borneo Trading (Brunei) Ltd. yang menjual kereta jenis Toyota; Peniaga Borneo yang menjual kereta jenis Colt Galant dan Federal Motors Company yang menjual kereta jenis Mazda.

## NBT (BRUNEI) LIMITED

| JENIS KERETA | Harga Jualan (Showroom selling Price) | Harga Jualan Penoh (Selling price on the road) |
|---|---|---|
| Toyota Starlet 5-Door Saloon. Model: KP60R-PHMRS | $ 9,866.00 | $10,251.00 |
| Toyota Carina 4-Door Deluxe Sedan. Model: TA40R-AEKDS Air-condition, radio cassette tape stereo player, fabric upholstery, seat belts, clock, radial tyres, cigarette lighter and slim-line head restraints | $14,434.00 | $14,924.00 |
| Toyota Carina 4-Door Deluxe Sedan. Model: TA40R-AEKDS Radio cassette tape stereo player, fabric upholstery, seat belts, clock, slim-line head restraints, radial tyres and cigarette lighter | $12,929.00 | $13,401.00 |
| Toyota Cressida Station Wagon. Model: RX35R-WKR. Air-Condition | $16,187.00 | $16,738.00 |
| Toyota Cressida Station Wagon. Model: RX35R-WKR | $14,155.00 | $14,671.00 |
| Toyota Celica ST Liftback. Model: TA40R-BLMSB Radio cassette stereo player, clock, seat belts, front demister, head rests, carpets, rear window washer/upper and rear window defogger/antenna, cigarette lighter and radial tyres | $15,414.00 | $15,921.00 |
| Toyota Celica ST. Model: TA40R-BCMSB GT special tyres, radio cassette stereo player, clock, seat belts, front demister, head rests, and cigarette lighter | $14,761,00 | $15,268.00 |
| Toyota Celica GT. Model: TA40R-BCMQG. Radial tyres, radio cassette tape stereo player, clock, seat belts, front demister and head restraints | $17,607.00 | $18,166.00 |
| Toyota Corolla 1200 Deluxe. Model: KE30R-KDF | $10380.00 | $10,769.00 |
| Toyota Corolla Liftback 1200 Deluxe. Model: KE50R-LKD Carpet, clock radio, GT special tyres and fabric upholstery | $11,024.00 | $11,430.00 |
| Toyota Corolla 1200 Hardtop. Model: KE35R-KD | $10,353.00 | $10,742.00 |





PANTAI Muara menjadi tumpuan orang ramai pada hari Ahad 23hb Julai yang lalu untok menyaksikan berbagai jenis achara dalam Temasha Pantai Ria. Achara2 pada hari itu termasok-lah peraduan membuat bentok bebas daripada pasir untok kanak2 (gambar atas), peraduan menumbok padi untok kaum perempuan (kiri) dan peraduan merambat (gambar bawah).

Temasha Pantai Ria itu di-adakan sa-bagai salah satu achara perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-32 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara dan telah di-rasmikan oleh Pengarah Perjawatan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib.

Satu temasha yang sama juga telah di-adakan di-Pantai Seri Kenangan, Tutong pada 30hb Julai yang lalu. Beberapa achara menarek telah di-adakan dalam temasha yang di-adakan sa-hari suntok itu.



| JENIS KERETA | HARGA SA-BELUM BULAN APRIL 1978 | | HARGA SA-LEPAS BULAN APRIL 1978 | |
|---|---|---|---|---|
| | Harga Jualan (Showroom Selling price) | Harga Jualan penoh (Selling price on the road) | Harga Jualan (Showroom selling price) | Harga Jualan penoh (Selling price on the road) |
| Toyota Corolla 1200 Standard Model: KE30R-KRF | $ 8,627.00 | $ 9,000.00 | $ 9,902.00 | $10,291.00 |
| Toyota Corolla 1200 Coupe Model: KE35R-KD | $ 9,851.00 | $10,250.00 | — | — |
| Toyota Corolla 1200 Station Wagon Model: KE36RV-KRF Air-Condition | — | — | $11,883.00 | $12,307.00 |
| Toyota Corona 1600 Deluxe Wagon Model: KE36RV-KRF | $ 9,849.00 | $10,250.00 | $10,580.00 | $10,986.00 |
| Toyota Corona 1200 Deluxe Model: RT100-KDF Radial tyres, radio, cigarette lighter and clock | $11,197.00 | $11,630.00 | $11,687.00 | $12,142.00 |
| Toyota Corona 1600 Deluxe Sedan Model: RT100-KDF Air-Condition, radial tyres, blowers, cigarette lighter, radio and clock | $12,790.00 | $13,240.00 | $13,242.00 | $13,714.00 |
| Toyota Cressida Deluxe Sedan Model: RX30R-EKD Air-Condition, radial tyres, electric clock, AM pushbutton radio, console box, cassette tape player, day/night inside rearview mirror, vinyl seat, cigarette lighter, seat belt and front demister | $15,372.00 | $15,911.00 | $16,088.00 | $16,639.00 |
| Toyota Cressida Sedan Model: RX30R-EKD | $12,579.00 | $13.074.00 | — | — |
| Toyota Cressida Deluxe Sedan Model: RX30R-EKD Air-Condition (Old Spec) | $14,147.00 | $14,660.00 | — | — |

## PENIAGA2 BORNEO (BORNEO TRADERS)

| JENIS KERETA | Harga Jualan (Showroom selling Price) | Harga Jualan Penoh (Selling price on the road) |
|---|---|---|
| COLT GALANT 1600 (Automatic) Model: A121 AKJR. Radio, headrest, seat belts, console box, seat adjusting lever, tilt adjustable Steering, tinted glass with demister etc. | $13,844.00 | $14,344.50 |
| COLT GALANT SIGMA. 1600GS. Model: A121 ANGSR Radio, clock, console box, seat belts, head rest, tinted glass with demister, reclining seat, tilt adjustable steering, techometer etc. | $13,180.00 | $13,663.00 |
| COLT GALANT SIGMA 1600 GL SEDAN Model: A121 AJR. Clock, radio, console box, seat belts, head rest, tilt adjustable steering, reclining seat, adjustable seat lever etc. | $12,527.00 | $13,001.25 |
| COLT GALANT SIGMA 1600 STATION WAGON Model: A121VJR. Seat belts, console box, clock, tilt adjustable steering, reclining seat etc. | $13,601.00 | $14,137.50 |
| COLT LANCER 1600GSR. Model: A73DNGSR (Old Model) Tilt adjustable steering, console box, seat belts, clock, radio etc. | $11,029.00 | $11,477.00 |
| COLT CELESTE 160GT SPORTS. Model: A73MNGR Radio, clock, seat belts, head rests, console box, techometer reclining seats etc. | $12,951.00 | $13,434.00 |
| COLT CELESTE 140 ST COUPE. Model: A72MNUR Radio, clock, cigarette lighter, ashtray, tinted glass with demister, console box, reclining seats, seat belts etc. | $12,179.00 | $12,659.00 |

## FEDERAL MOTORS CO.,

| JENIS KERETA | Harga Jualan (Selling Price) | Harga Jualan Penoh (Selling price on the road) |
|---|---|---|
| Mazda 121 Coupe. Model: CD3MC Radio, Floor shift gear, mats, wing mirrors, sun-visor | $17,057.50 | $17,600.00 |
| Mazda 121 Coupe. Model: CD3MC. Air-con., radio, floor shift gear, mats, wing mirrors and sun-visor | $19,357.50 | $19,930.00 |
| Mazda 929 S/Wagon. Model: LA2VV-R Radio, floor shift gear, mats, wing mirrors, sun-visor | $14,199.00 | $14,700.00 |
| Mazda 323. 5 Doors Deluxe. Model: FA4TS-5 Radio, floor shift gear, mats, wing mirrors, sun-visor | $10,427.50 | $10,820.00 |
| Mazda 323. 5 Doors. Model: FA4TS-5. Air-con., radio, floor shift gear, mats, wing mirrors, sun-visor | $12,355.00 | $12,770.00 |
| Mazda 323. 3 Doors. Model: FA4TS-3. Air-con., radio, floor shift gear, mats, wing mirrors, sun-visor | $12,085.00 | $12,500.00 |

# D.Y.M.M. berangkat menyaksikan Temasha Lumba Perahu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat menyaksikan temasha lumba perahu yang di-langsongkan di-Sungai Brunei pada hari Ahad lalu. Perlumbaan itu merupakan salah satu achara sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke-32 tahun.

Turut menyaksikan temasha itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei Awang James Davidson; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan lain2 pembesar negara.

Sa-banyak empat belas achara telah di-pertandingkan di-temasha itu, termasok dua achara lumba motor-sangkut.

Dalam perlumbaan berkayoh 15 belas orang bagi jabatan Kerajaan, Pasokan Bomba dengan perahu mereka, Seri Guddam kepunyaan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah munchol sa-bagai johan.

Dalam perlumbaan motor-sangkut yang bertenaga 45 kuasa kuda, Cheetah MHM 400 kepunyaan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan telah munchol sa-bagai johan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei.

Perlumbaan yang sama juga telah di-adakan di-Sungai Belait pada hari itu.



ALAT2 Kebesaran Diraja yang di-gunakan sa-masa Istiadat Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sedang di-pamerkan di-Muzium Brunei, Jalan Kota Batu.

Pameran tersebut di-adakan sempena ulang tahun ke-sepuloh Istiadat Perpuspaan Baginda dan akan di-adakan sa-lama sa-bulan.

Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa telah merasmikan pameran tersebut pagi semalam.

Pameran tersebut di-buka kapada orang ramai pada tiap2 hari kechuali pada hari Isnin mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

**GAMBAR atas menunjokkan Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja ketika menyaksikan pameran sa-telah merasmikan pameran tersebut. Turut juga menyaksikan pameran tersebut ia-lah T.Y.T. Pesurohjaya Tinggi British, Awang J. A. Davidson dan Y.A.B. Menteri Besar.**



**Awg Wahab bin Haji Said**



**Awg Selamat bin Munap**

# *Dua orang lagi pegawai di-naikkan pangkat*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, telah memperkenankan kenaikkan pangkat dua orang pegawai tempatan.

Awang Selamat bin Munap, telah di-lantek sa-bagai Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi ka-dalam Kumpolan Dua mulai 1hb Ogos, 1978.

Sa-belum itu dalam tahun 1967, Awang Selamat pernah memegang jawatan sa-bagai Pegawai Pentadbir kemudian dalam tahun 1973 sa-bagai Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dan dalam tahun itu juga di-lantek sa-bagai Pengarah Unit Peranchang Ekonomi.

Awang Selamat baru sahaja tiba di-tanah ayer bulan lalu, sa-telah menyambong pengajian-nya sa-lama sa-tahun di-Harvard University, USA, dengan memperolehi ijazah MPA (Master Pentadbiran Awam). Sa-belum itu beliau menuntut di-Millfield School, London dan University McGill, Kanada dengan mendapat kelulusan BA (Ekonomi dan Political Science).

Ketika di-tanya kemungkinan beliau akan mengambil dalam bahagian kedoktoran (PhD), beliau menyatakan, dengan izin Allah, dalam masa sa-tahun atau dua lagi.

Awang Wahab bin Haji Said dengan perkenan Baginda jua telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penguasa Penjara dan Kumpolan Tiga mulai 16hb Julai, 1978. Beliau telah di-lantek sa-bagai Penulong Penguasa Penjara sejak 1hb Mach, 1968 dan pada 1hb Ogos, 1974 beliau di-lantek sa-bagai Timbalan Penguasa Penjara.

Awang Wahab sa-orang bekas penuntut SOAS, pernah menghadhiri beberapa kursus Sekolah Latehan Pegawai2 Penjara di-Malaysia dan di-Wakefield Prison Staff College, Yorkshire, England.

# MAJLIS KHATAMAL KOR'AN SEMPENA 10 TAHUN PERPUSPAAN D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. —Sa-ramai 17 orang penuntut dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab (Perempuan) Raja Isteri Pengiran Anak Damit di-Batu 1½, Jalan Tutong di-sini, Selesa kelmarin telah melangsongkan majlis Khatamal Kor'an.

Majlis tersebut yang di-adakan di-Sekolah Menengah Arab (Perempuan) Raja Isteri Pengiran Anak Damit telah turut di-hadhiri dengan keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Anak Puteri Masna dan rombongan Diraja.

Menurut uchapan alu2an dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, majlis itu di-adakan sa-bagai usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama yang menyedari betapa penting-nya pembachaan Al-Kor'an di-kalangan penuntut2.

Yang Berhormat itu seterusnya mensifatkan majlis Khatam Al-Kor'an saperti itu ada-lah merupakan suatu tradisi orang2 Brunei yang mana sa-tiap ibu-bapa bertanggong-jawab menyuroh anak2 mereka mengaji Al-Kor'an sa-hingga khatam 30 jus dan kerana itu tradisi tersebut di-hidupkan kembali menerusi penuntut2 di-tiga buah sekolah berkenaan.

Majlis Khatam Al-Kor'an hari itu di-adakan sempena menyambut ulang tahun ke-sepuloh Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menaiki takhta Kerajaan.

Menjelaskan beberapa achara bagi menyerikan lagi majlis tersebut, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja berkata, penuntut2 yang mengambil bahagian telah pun menjalani upachara berinai/berpachar pada sa-belah malam, Isnin, 31hb Julai yang di-ikuti dengan 'Majlis Berjaga2' dengan bernaindong.

Kemudian penuntut tersebut telah di-mandihi dengan 'Aying Langir dan Aying Bunga2an' pada sa-belah pagi Selasa, 1hb Ogos kelmarin.

Dalam majlis kemunchak kelmarin, penuntut2 yang mengambil bahagian telah di-sambut dengan pukolan Hadhrah ketika di-arak dengan di-dahului oleh barisan pembawa nasi kuning berbunga telor, sireh pinang dalam gangsa, dua bunga dian dan dian empat untok masok ka-dalam dewan di-mana majlis itu di-langsongkan.

Penuntut2 tersebut kemudiannya telah berziarah kapada rombongan Diraja sa-orang demi sa-orang dan majlis di-ikuti dengan bachaan Fatihah beramai2 yang di-ului oleh isteri Yang Dimuliakan Pehin Dato Seri Maharaja, Datin Hajjah Kamilah Fadzillah bte Haji Sulaiman.

Sa-lepas itu sa-orang demi sa-orang penuntut2 berkenaan telah membacha ayat2 dari Surah Adh-Dhuha oleh Dayang Fatimah bte Ahmad sa-hingga kapada Surah An nas ri dan Al-Lahab oleh Dayang Narizah bte Haji Ibrahim.

## Dari muka 1

reprodaksi grapik. Di-Switzerland, Awang Ali akan mengikuti kursus singkat mengenai dengan peralatan2 menjilid.

Awg Ali juga akan mempelajari tentang alat2 pengator gambar ketika beliau berada di-London nanti.

Beliau telah berkhidmat dengan Jabatan Perchetakan Kerajaan sejak tahun 1976 apabila beliau pulang ka-tanah ayer dengan Diploma in Printing Management dari London College of Printing.

Dua orang juru meshen, Awang Md. Yusof bin Abdul Rahman dan Awang Md Daud bin Matassan akan menjalani kursus meshen chetak sa-lama enam bulan di-Times Printer Singapura. Di-perengkat akhir, mereka juga akan menjalani kursus singkat mengenai dengan penyamporan dakwat yang masing2 di-tempatkan di-Coates Brothers dan Collie (Asia) Singapura.

Sa-orang kakitangan di-bahagian proses, Pengiran Mohammad bin Pengiran Tajuddin akan juga menjalani kursus di-Times Printer Singapura mengenai dengan hal-ehwal grapik reprodaksi sa-lama enam bulan.

Sementara itu, sa-orang lagi juru-meshen, Awangku Haji Zainal Abidin bin Pengiran Haji Ahmad akan bertolak ka-London pertengahan bulan September ini untok menjalani pengajian sa-tahun dalam Certificate in Printing Technique di-London College of Printing.

# Waktu bekerja sepanjang bulan Puasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Waktu bekerja di-sepanjang bulan Ramadhan tahun Hijrah 1398 bagi Jabatan Kerajaan di-seluroh negeri akan di-kurangkan sa-lama sa-tengah jam pada sebelah pagi.

Menurut Surat Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan yang di-keluarkan pada minggu lalu bahawa waktu bekerja bagi hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu ia-lah dari jam 8.00 pagi hingga 12.15 tengah hari dan dari 1.15 petang hingga 4.00 petang.

Bagi pekerja2 yang bergaji hari, waktu mulai bekerja di-sebelah pagi ada-lah di-kurangkan sa-tengah jam dari waktu2 bekerja biasa saperti yang telah di-tentukan kapada mereka dan waktu2 bekerja di-sebelah tengah hari ada-lah saperti biasa.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.